

22/10/2003

Syarat hubungan lebih baik dengan Canberra

Zulkofli Jamaludin; Nazura Ngah; Lokman Zainal Abidin

KUALA TERENGGANU: Malaysia hanya akan menjalin hubungan lebih baik dengan Australia jika tindakan negara itu menunjukkan kesediaannya berbuat demikian, kata Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, Malaysia tetap meneruskan dasar terbaik-baik dengan mana-mana negara dan menjalin hubungan atas prinsip saling menghormati.

Malaysia juga, katanya, menghormati sebarang dasar yang dipilih oleh sesebuah negara luar dan tidak akan campur tangan. Dasar itulah yang dipegang kerajaan selama ini walaupun kadang kala berlaku perbezaan pendapat mengenai sesuatu perkara.

"Dia (Australia) baik dengan kita, kita akan baik dengan dia, itu cara kita.

"Kalau mereka memilih atau mengikuti dasar tertentu, itu adalah pilihan mereka, pada kita tidak ada apa-apa," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Terengganu di sini, semalam.

Abdullah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Australia, John Howard ketika menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Bangkok, kelmarin.

Howard dipetik sebagai berkata, beliau tidak akan tergesa-gesa untuk memperbaiki hubungan dengan Malaysia selepas persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akhir bulan ini.

Laporan itu juga menyebut Howard berkata, beliau tidak menjangka perubahan besar dalam perhubungan Australia dengan Malaysia dalam jangka pendek selepas Dr Mahathir.

Abdullah berkata, Australia tidak memahami usaha Malaysia, yang dilaksanakan mengikut kepentingan sebagai negara merdeka dan berdaulat.

Malaysia tetap dengan pendirian tidak akan bersetuju dengan sebarang campur tangan atau percubaan mana-mana pihak untuk campur tangan atau jika berlaku tindakan mana-mana pihak yang mengecam kepentingannya.

"Dalam hal lain kita masih boleh bekerjasama, ini berlaku juga dalam hubungan kita dengan Amerika Syarikat. Ada hal yang kita tidak bersetuju dan ada perkara yang kita boleh bekerjasama.

"Prinsip yang kita pegang ialah kepentingan dan kedaulatan negara mesti dipertahankan," katanya sambil menambah, kerajaan akan berusaha memberikan yang terbaik untuk kepentingan negara dan menyuarakan pandangan mengenai masalah negara membangun.

Sambil menegaskan Malaysia mempunyai banyak kepentingan dengan negara membangun dalam rangka kerjasama Selatan-Selatan, beliau berkata tidak salah kalau kerajaan memberi pandangan mengenai kepentingan negara membangun dalam hal berkaitan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Katanya, kenyataan Dr Mahathir bahawa negara membangun mahukan perdagangan bebas dan adil kerana apa yang berlaku sekarang bebas tidak semestinya adil dan saksama.

Mengenai peluang Barisan Nasional (BN) memenangi majoriti dua pertiga dalam pilihan raya umum di Terengganu, Abdullah berkata, BN kena bekerja untuk kemenangan sekurang-kurangnya majoriti dua pertiga.

"Kita kena bekerja untuk kemenangan. Itu tugas kita, itu usaha kita, itu rancangan kita, mudah-mudahan rakyat bersama kita," katanya.